


KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA BERKENAN BERANGKAT MELAWAT SYARIKAT KERJASAMA PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN KUALA BELAIT (SEPAKAT)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Majlis Penganugerahan Geran-Geran Tanah dan Lot-Lot Tanah di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan, Daerah Belait pada 14 Oktober 2004.

Sempena majlis tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah berkenan berangkat membuat lawatan bagi meninjau secara lebih dekat kemajuan dan perkembangan di daerah berkanaan. Termasuk dalam atur cara lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah keberangkatan ke sebuah koperasi di Pekan Belait iaitu Syarikat Kerjasama Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Kuala Belait (SEPAKAT). Keberangkatan tiba Baginda di Stesen Minyak Koperasi SEPAKAT telah dijunjung oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSU). Taklimat mengenai pencapaian Koperasi SEPAKAT telah disembaikan oleh Pengurus Koperasi, Yang Mulia Awang Haji Busu bin



Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Yang Mulia Setiausaha Tetap KPSU

Ahmad. Baginda juga berkenan meninjau lebih dekat bangunan serta kemudahan yang terdapat di stesen minyak milik koperasi berkanaan.

Koperasi SEPAKAT yang ditubuhkan pada 30 Jun 1977 telah memulakan perniagaan dengan mengendalikan sebuah mini-mart. Pada tahun 1978, koperasi ini telah mengembangkan perniagaannya dengan penubuhan sebuah stesen minyak dengan modal saham sebanyak \$94,500.00 dan keramaian 81 orang pemegang saham. Sehingga bulan Disember 2004, bilangan pemegang saham cawangan stesen minyak telah meningkat kepada 195 orang dengan jumlah saham terkumpul sebanyak \$636,202.12. Koperasi SEPAKAT kini mempunyai seramai 13 orang pekerja terdiri daripada 8 orang anak tempatan dan 5 orang pekerja asing. Rancangan perkembangan kegiatan perniagaan masa depan koperasi ialah projek ternakan.

Di akhir majlis keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Koperasi SEPAKAT, Baginda telah berkenan menerima junjung ziarah dari ahli-ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa dan ahli-ahli koperasi.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar ramai dengan ahli-ahli jawatankuasa Syarikat Kerjasama Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Kuala Belait (SEPAKAT)

Antara yang menarik



2



4



7

Diterbitkan oleh

Seksyen Perhubungan Awam, Bahagian Pengurusan dan Kewangan
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Jalan Menteri Besar BB 3910, Negara Brunei Darussalam

Telpon: 673-2-382822 Fax: 673-2-382807

e-mail: admin_mipr@brunei.bn Laman Web: www.industri.gov.bn

PENYERTAAN KPSU DI MAJLIS KESYUKURAN DAN RAMAH MESRA BAGI MEMPELAI DIRAJA YANG DISEMBAHKAN OLEH PERKHIDMATAN AWAM

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah telah berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran dan Ramah Mesra bagi Mempelai Diraja yang disembahkan oleh Perkhidmatan Awam pada 21 September 2004 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

KPSU telah menyertai lain-lain kementerian dalam perkhidmatan awam di Majlis Kesyukuran dan Ramah Mesra bagi Mempelai Diraja tersebut. Di majlis tersebut Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman, Setiausaha Tetap mewakili pegawai dan kakitangan KPSU telah menyembahkan sebuah pesambahan kehadapan Majlis Mempelai Diraja.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah telah berkenan menerima junjung ziarah dari para pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam termasuk pegawai dan kakitangan KPSU.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menerima salah satu pesambahan daripada KPSU yang disembahkan oleh Yang Mulia Dato Paduka Haji Idris bin Haji Belaman, Setiausaha Tetap KPSU

MESYUARAT MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN

Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN telah diadakan di Vientiane, Lao PDR pada 27 November 2004. Mesyuarat berkenaan diadakan bagi membuat persediaan untuk Mesyuarat Sidang Kemuncak ASEAN yang ke-10. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohamed Taib, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam telah menghadiri mesyuarat tersebut dengan disertai oleh beberapa pegawai kanan dari Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Perkembangan Perdagangan, KPSU.

Mesyuarat telah membincangkan beberapa perjanjian dan protokol yang berkaitan dengan isu ekonomi dan perdagangan bagi tujuan penandatanganan oleh Ketua-Ketua Negara ASEAN dan Menteri-

Ministeri Ekonomi ASEAN pada Sidang Kemuncak tersebut. Protokol-protokol dan perjanjian-perjanjian berkenaan ialah *ASEAN Framework Agreement for the Integration of the Priority Sectors*, *ASEAN Sectoral Protocols (11 Priority Sectors)*, *ASEAN Protocol on Enhanced Dispute Settlement Mechanism*, *Agreement on Trade in Goods of the Framework Agreement on Comprehensive Economic Cooperation between ASEAN and China* dan *Agreement on Dispute Settlement Mechanism between ASEAN and China*.

Mesyuarat juga membincangkan dua Deklarasi bagi tujuan pengesahan oleh Ketua-Ketua Negara ASEAN iaitu *Joint Declaration on Comprehensive Cooperation Partnership between ASEAN and the Republic of Korea* dan *Joint Declaration of the Leaders at the ASEAN-Australia and New Zealand Commemorative Summit*.

MAJLIS PELANCARAN “LOGO PEMERIKSAAN VETERINAR” DAN BUKU “SAINS DAN TEKNOLOGI BAGI PEMBANGUNAN AGRIBISNES AYAM PEDAGING”

Sebagai sebahagian dari usaha berterusan bagi mencapai tahap keselamatan makanan yang tertinggi, Jabatan Pertanian telah memperkenalkan satu skim label pemeriksaan veterinar bagi produk-produk ayam dan daging keluaran tempatan. Sehubungan dengan itu satu Majlis Pelancaran Logo Pemeriksaan Veterinar telah diadakan pada 21 September 2004 bertempat di Dewan Setia Pahlawan, KPSU. Tetamu Kehormat di majlis tersebut ialah Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman, Setiausaha Tetap KPSU.

Dalam ucapan perasmianya Tetamu Kehormat berkata, memandangkan pengeluaran daging dan telur ayam di negara ini telah pun mencapai 100 peratus sara diri, pihak kerajaan, industri dan pengguna-pengguna mempunyai peranan masing-masing dalam bersama-sama bertanggungjawab menjamin keselamatan dan kualiti produk makanan yang dihasilkan di negara ini.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa Logo Pemeriksaan Veterinar tersebut adalah merupakan satu simbol pengiktirafan Pihak Berkuasa Veterinar Jabatan Pertanian terhadap sistem kawalan keselamatan makanan dan kebersihan yang dilaksanakan oleh pusat-pusat pemprosesan makanan yang berdasarkan hasil ternakan. Pihak Berkuasa Veterinar Jabatan Pertanian telah menyediakan satu sistem keselamatan makanan yang lengkap bagi mengawal keselamatan makanan dan kualiti hasil tempatan bagi produk-produk makanan asas ternakan. Selaras dengan inisiatif ini, usaha industri tempatan dalam melaksanakan sistem menjamin keselamatan dan kualiti produk makanan keluaran tempatan patut mendapat pujian.

Jabatan Pertanian juga sedang merangka satu sistem akreditasi ladang supaya pihak-pihak pengguna dan bakal pengimport boleh mengenal pasti pembekal yang diperakui menepati syarat-syarat keselamatan dan kebersihan yang ditetapkan. Sistem akreditasi tersebut adalah langkah penting ke arah memajukan industri pemprosesan makanan asas tani tempatan yang bertaraf dunia.

Terdahulu sebelum itu, Yang Mulia Dr Haji Mohamad Yussof bin Haji Mohiddin, Pengarah Pertanian dalam ucapan alu-aluannya berkata, negara kini mampu mengeluarkan kira-kira 15,500 tan metrik daging ayam dan lebih 120 juta biji telur ayam dalam setahun. Pengeluaran tersebut adalah mencukupi untuk keperluan tempatan. Beliau juga memaklumkan bahawa per kapita bagi masyarakat tani dalam keluaran dalam negara kasar bagi hasil tani atau KDNK-tani, meningkat daripada \$313,000 pada tahun 1999 kepada \$461,000 pada tahun 2003.

Beliau seterusnya menambah, dalam usaha menganjakkan sektor pertanian menjurus ke arah dorongan pasaran agribisnes, Jabatan Pertanian menumpukan perhatian



Yang Mulia Setiausaha Tetap KPSU di Majlis Pelancaran Logo Pemeriksaan Veterinar dan Pelancaran Buku

dalam pembangunan industri pemprosesan makanan asas tani, di samping meningkatkan lagi industri pengeluaran asas tani.

Di majlis tersebut, beberapa syarikat telah menerima sijil pengiktirafan yang membenarkan mereka menggunakan logo veterinar tersebut. Ianya juga diselajurkan dengan majlis pelancaran buku bertajuk, "Sains dan Teknologi bagi Pembangunan Agribisnes Ayam Pedaging: Penggerak Ekonomi Pertanian, Brunei Darussalam".

Buku tersebut adalah terbitan Jabatan Pertanian yang dikarang bersama oleh Dr Haji Mohamad Yussof bin Haji Mohiddin dan Dr Lau Sam. Ianya bertujuan membantu usahawan meningkatkan tahap produktiviti dan kualiti hasil, dan adalah sejajar dengan hasrat Jabatan Pertanian memodenkan sektor pertanian. Isi buku tersebut mencakupi secara meluas aspek-aspek kemajuan sains dan teknologi dalam industri ternakan ayam termasuk pembiakan, penetasan, pemprosesan, kesihatan dan pemakanan, keselamatan makanan, ekonomi-tani, pemasaran-tani serta isu-isu berkaitan dengan perdagangan. Buku tersebut juga memaparkan usaha-usaha penyelidikan di negara ini dan negara lain. Pada keseluruohnya, buku tersebut merupakan hasil penyelidikan yang begitu meluas, sesuai untuk rujukan dan diterima baik oleh masyarakat tani, usahawan tani dan lain-lain pihak.

Dengan pelancaran logo "Pemeriksaan Veterinar" dan buku tersebut, ia menandakan bermulanya sesi-sesi taklimat mengenai pemeriksaan veterinar dan pelabelan yang akan dilanjutkan ke seluruh negara bertujuan bagi memberi kesedaran mengenai betapa pentingnya faktor keselamatan makanan dan piawaian kebersihan terhadap industri pemprosesan makanan tempatan.

Sesi taklimat tersebut telah dihadiri oleh kira-kira 300 orang pegawai-pegawai kerajaan, usahawan-usahawan tani dan penternak-penternak. Para peserta juga menerima senaskah buku berkenaan daripada Tetamu Kehormat.

BRUNEI DARUSSALAM BEBAS DARIPADA WABAK PENYAKIT UTAMA TERNAKAN SERTA LAIN-LAIN PEMUSUH DAN PENYAKIT — HAIWAN YANG SERIUS

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman, Setiausaha Tetap KPSU dalam ucapan perasmianya selaku Tetamu Kehormat di Seminar Kesihatan Haiwan dan Keselamatan Makanan yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KPSU pada 29 November 2004 menyatakan bahawa Brunei Darussalam adalah bebas daripada wabak penyakit utama ternakan serta lain-lain pemusuh dan penyakit haiwan yang serius. Seminar sehari tersebut telah dianjurkan bersama oleh Suruhanjaya Tinggi Kanada di Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Pertanian KPSU bertujuan untuk mengongsikan maklumat mutakhir mengenai dengan kesihatan haiwan dan keselamatan makanan. Pembentangan kertas-kertas kerja teknikal telah disampaikan oleh beberapa pakar dari Malaysia, Singapura dan Kanada.

Dalam ucapan perasmianya, Yang Mulia Setiausaha Tetap KPSU juga telah menyatakan bahawa tatacara kuarantin yang ketat serta perkhidmatan veterinar yang baik adalah antara faktor penyumbang kepada pencegahan kemasukan penyakit-penyakit ternakan berbahaya ke negara ini. Memandangkan baru-baru ini berlakunya musibah penyakit yang amat berjangkit serta kemunculan semula beberapa penyakit berbahaya seperti penyakit selesema burung di Asia, negara ini telah meningkatkan usaha pemantauan serta memperketatkan lagi pemeriksaan keselamatan di pintu-pintu masuk sempadan. Pihak Berkuasa Veterinar Jabatan Pertanian bersama lain-lain agensi penguatkuasaan telah mengambil langkah-langkah berwaspada bagi mencegah kegiatan yang boleh membawa risiko kemasukan penyakit berbahaya ke negara ini. Hasil kerjasama orang ramai dan usaha sama agensi-agensi kerajaan, sehingga kini Negara Brunei Darussalam masih kekal bebas daripada musibah selesema burung dan lain-lain penyakit utama yang boleh menggugat kesihatan awam.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa projek ASEAN mengenai Sistem Amaran Kemudarat Pertanian (AHEWS) yang diunjurkan oleh Brunei Darussalam pada tahun 1999, adalah merupakan inisiatif penting bagi mengukuhkan kerjasama pelbagai pihak dalam usaha mengawal wabak-wabak penyakit ternakan. Adalah



Ahli-ahli panel Seminar Kesihatan Haiwan dan Keselamatan Makanan

sangat mustahak supaya pihak-pihak berkuasa veterinar dalam ASEAN bekerja rapat dengan organisasi-organisasi kesihatan haiwan antarabangsa bagi meningkatkan keupayaan dalam menangani wabak penyakit ternakan berjangkit yang berbahaya serta lain-lain kemudarat biologi.

Di samping itu, hubung kait yang rapat antara kesihatan haiwan dengan keselamatan makanan menunjukkan betapa pentingnya pewujudan sistem

kawal selia dan pemantauan yang baik bagi menjamin barang makanan yang dijual itu adalah selamat untuk kegunaan orang ramai serta menepati piawaian keselamatan antarabangsa. Beliau menggesa agar pengusaha-pengusaha makanan tempatan bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa dalam melaksanakan program kawalan dan jaminan mutu seperti Program Analisis Kemudarat Titik-Titik Kritikal (HACCP).

Pengarah Pertanian, Yang Mulia Dr Haji Mohamad Yusof bin Haji Mohiddin, semasa menyampaikan ucapan aluanannya, menyentuh mengenai masalah yang dihadapi oleh negara-negara membangun ASEAN yang kurang berupaya menangani krisis wabak penyakit haiwan seperti selesema burung. Isu pokok yang menghalang negara-negara membangun daripada menembusi pasaran-pasaran eksport adalah kesulitan yang dihadapi dalam mematuhi piawaian dan keperluan antarabangsa. Oleh yang demikian adalah mustahak program-program kesihatan haiwan dan keselamatan makanan dipertingkatkan termasuk usaha membangunkan sumber manusia. Seminar seumpama ini adalah amat berfaedah bagi meningkatkan tahap pengetahuan pegawai-pegawai veterinar di negara-negara ASEAN dalam bidang kesihatan haiwan dan keselamatan makanan.

Sementara itu Pesuruhjaya Tinggi Kanada di Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Paul S. H. Lau, merakamkan penghargaan atas kepimpinan Brunei Darussalam dalam menjayakan seminar tersebut dan mengucapkan terima kasih kepada pakar-pakar dari Malaysia, Singapura dan Agensi Pemeriksaan Makanan Kanada (CFIA) atas penglibatan mereka dalam seminar berkenaan. Kira-kira 100 peserta yang terdiri daripada sektor awam dan swasta menghadiri seminar tersebut.

INDUSTRI MAKANAN ASLI TEMPATAN DIKENALPASTI UNTUK DIKEMBANGMAJUKAN

Satu majlis menandatangani perjanjian di antara Jabatan Pertanian, KPSU yang diwakili oleh Dr. Haji Mohamad Yussof bin Haji Mohiddin, Pengarah Pertanian dengan Marditech Corporation Sdn. Bhd. yang diwakili oleh Encik Anas Ahmad Nasarudin, Pengurus Besar, Marditech Corporation Sdn. Bhd., Malaysia bagi projek konsultansi "Mempromosikan Makanan Asli Tempatan Negara Brunei Darussalam" diadakan pada 7 September 2004 bertempat di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian, Berakas.

Jabatan Pertanian dalam kenyataannya menerangkan bahawa objektif utama projek ini adalah untuk meningkatkan dan memodenkan teknologi pemprosesan dan pembungkusan serta mempromosi makanan asli tempatan bagi pasaran di dalam dan luar negara. Di samping itu, Jabatan Pertanian juga berhasrat untuk menggalakkan dan mendorong pengusaha-pengusaha makanan asli tempatan menghasilkan makanan asli tempatan yang berkualiti dan selamat; memperkuuhkan kebolehan serta keupayaan teknikal dan sumber tenaga manusia Unit Lepas Tuai dan Teknologi Makanan, Jabatan Pertanian bagi memberikan perkhidmatan dukungan yang berkesan kepada industri pemprosesan makanan asli tempatan; menggiatkan lagi aktiviti-aktiviti pengeluaran makanan asli tempatan dan mengenalkan makanan asli tempatan sebagai produk komersil.

Projek konsultansi ini akan dijalankan selama tiga tahun dan akan melibatkan tiga fasa aktiviti. Fasa pertama akan melibatkan aktiviti-aktiviti seperti mengadakan kajian selidik status makanan asli di Negara Brunei Darussalam, mengenal pasti makanan asli tempatan yang berpotensi untuk dikembang maju, mengadakan bengkel teknologi pemprosesan dan pembungkusan moden dan menilai operasi perlaksanaan aktiviti-aktiviti sains dan teknologi makanan di Unit Lepas Tuai dan Teknologi Makanan, Jabatan Pertanian dan seterusnya membuat cadangan yang membolehkan Unit tersebut mengembangkan kecekapan



Pengarah Pertanian Yang Mulia Dr Haji Mohamad Yussof bin Haji Mohiddin di majlis menandatangani perjanjian

dalam melaksanakan projek-projek dan program-program sains dan teknologi makanan.

Fasa kedua akan menumpukan kepada aktiviti-aktiviti mengenal pasti peralatan dan pembungkusan yang sesuai untuk digunakan, mengenal pasti keperluan pasaran dan pengguna di dalam dan di luar negara bagi makanan-makanan asli yang dikenal pasti dan memformulasikan strategi pelaksanaan dan promosi bagi memajukan dan mempromosikan makanan asli tempatan berkenaan.

Fasa ketiga akan membantu Jabatan Pertanian dalam merancang dan melaksanakan skim-skim projek perintis dan program-program promosi, dan memajukan pasaran tempatan dan eksport bagi makanan asli Brunei.

Faedah-faedah utama yang diharapkan dari projek ini ialah penerbitan laporan status masa kini industri makanan asli di Negara Brunei Darussalam, peningkatan kecekapan, kemudahan dan infrastruktur penyelidikan teknologi makanan di dalam Jabatan Pertanian, peningkatan dan memodenkan sektor pengeluaran makanan asli tempatan dan menghasilkan strategi pemasaran yang mantap.

MESUARAT ASEAN MENGENAI SISTEM WASPADA KEMUDARATAN PERTANIAN (AHEWS)

Tidak ramai yang mengetahui bahawa taraf kesihatan haiwan di negara ini adalah antara yang terbaik di dunia. Di negara ini tidak terdapat penyakit-penyakit ternakan yang berbahaya, yang ada hanyalah beberapa jenis penyakit yang menjaskan sedikit industri ternakan ayam seperti penyakit-penyakit Newcastle dan Gumboro. Namun, penyakit-penyakit tersebut tidaklah serius berbanding dengan wabak Selesema Burung, Virus Nipah dan Penyakit Kaki-dan-Mulut yang melanda beberapa negara Asia.

Walaupun begitu, Pihak Berkuasa Veterinar Jabatan

Pertanian, KPSU tidak mengambil ringan mengenai ancaman penyakit berbahaya dan akan terus berwaspada. Ini adalah bertujuan bagi melindungi industri ternakan tempatan dan menjaga kepentingan pihak pengguna. Negara Brunei Darussalam kekal bebas daripada gejala-gejala pandemik dan epidemik penyakit haiwan dan masih bebas daripada lain-lain penyakit haiwan yang serius. Perkara tersebut dinyatakan oleh Yang Mulia Dr Haji Mohamad Yussof bin Haji Mohiddin, Pengarah Pertanian, semasa menyampaikan ucapan pembukaan di Mesyuarat Pasukan Petugas Ad-Hoc bagi Sistem Waspada Kemudaratian Pertanian ASEAN (AHEWS).

Sila lihat muka surat 6

Sambungan dari muka surat 5

yang berlangsung di sebuah hotel di ibu kota pada 7-8 Disember 2004.

Beliau menggesa supaya pihak-pihak berkuasa ASEAN bersepakat dengan golongan-golongan industri, saintifik dan pengguna dalam bersama-sama menangani kemudaratian pertanian. Negara Brunei Darussalam bersedia menjalinkan hubungan kerjasama dengan badan-badan antarabangsa dan agensi-agensi kerajaan bagi mengukuhkan lagi langkah kawalan terhadap sebarang kemudaratian pertanian.

Mesyuarat dua hari tersebut membincangkan kaedah pelaksanaan sistem waspada mengenai kemudaratian pertanian di ASEAN, yang juga meliputi wabak penyakit-penyakit ternakan yang serius. Sistem waspada tersebut bertujuan memaklumkan negara-negara yang berisiko supaya mereka berkesempatan mengambil tindakan pencegahan bagi mengawal dan mencegah penularan

penyakit-penyakit yang amat berjangkit. Dalam keadaan semasa yang membimbangkan dengan kemunculan dan kebangkitan virus yang amat berjangkit, sistem waspada AHEWS boleh mengukuhkan lagi keadaan bio-keselamatan dan sistem maklumat kesihatan haiwan di ASEAN.



Gambar ramai delegasi-delegasi dari Negara-Negara ASEAN bersama Pengarah Pertanian

PENGUSAHA-PENGUSAHA TAPAK PERINDUSTRIAN SALAR TUBUHKAN JAWATANKUASA KEMAJUAN TAPAK PERINDUSTRIAN

Ke arah memperkenalkan serta mempromosikan tapak-tapak perindustrian di negara ini, sekaligus menjadikannya kawasan perindustrian yang ceria dan menarik bagi faedah pengusaha-pengusaha dan juga pengunjung-pengunjungnya, Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) telah melaksanakan inisiatif bagi penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kemajuan Tapak-Tapak Perindustrian. Sebagai langkah permulaan satu perjumpaan bagi mengkaji penubuhan Jawatankuasa Kemajuan Tapak Perindustrian Salar telah diadakan pada 4 Disember 2004 di Ibu Pejabat BINA, Gadong.

Dalam taklimat beliau, Yang Mulia Pengarah BINA menerangkan bahawa antara tujuan utama penubuhan jawatankuasa tersebut ialah untuk memupuk semangat perpaduan, setia kawan serta amalan tolong-menolong sesama pengusaha; mengujudkan suasana persekitaran tapak perindustrian yang selesa dan harmoni dengan cara penglibatan aktif sesama pengusaha-pengusaha tapak dalam berbagai kegiatan ekonomi, alam sekitar dan sosial; menimbulkan kesedaran serta memupuk sikap

bekerja sama sesama pengusaha demi menjaga nama baik dan keselamatan tapak perindustrian serta pekerja-pekerja kilang; berfungsi selaku Badan Penghubung antara pengusaha-pengusaha tapak perindustrian dengan Kerajaan bagi menyuarakan pelbagai isu dan masalah semasa yang dihadapi oleh pengusaha; dan menyatukan usaha ke arah meningkatkan mutu produk-produk tempatan supaya lebih berkeupayaan bagi menembusi pasaran antarabangsa.

Inisiatif berkenaan telah mendapat sambutan yang baik dari para pengusaha dan hasilnya persetujuan telah dicapai dengan sebulat suara bagi pengusaha-pengusaha Tapak Perindustrian Salar untuk mempelopori penubuhan jawatankuasa berkenaan. Lantikan Jawatankuasa Kemajuan Tapak Perindustrian Salar adalah seperti berikut:

Pengerusi:	Yang Mulia Dato Paduka Ampuan Haji Md. Yassin bin Ampuan Salleh
Timbalan Pengerusi:	Yang Mulia Awang Haji Md. Said bin Haji Yaakub
Setiausaha:	Yang Mulia Dayang Lisa binti Dato Paduka Haji Ibrahim
Timbalan Setiausaha:	Yang Mulia Awang Henry Ting
Penyelaras Jawatankuasa:	Yang Mulia Pg. Haji Ramli bin Pg. Haji Masuhor
Penyimpan Amanah:	Yang Mulia Awang Tan Too Liang




Sebahagian dari pengusaha-pengusaha yang hadir di majlis perjumpaan

Penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa kemajuan tapak-tapak perindustrian ini akan dilaratkan seterusnya ke tapak-tapak perindustrian di seluruh negara. Seramai kira-kira 19 pengusaha-pengusaha Tapak Perindustrian Salar telah menghadiri perjumpaan tersebut.

INDUSTRI PEMBUATAN

Sektor industri pembuatan merupakan salah satu sektor perindustrian yang turut sama menyumbang kepada pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara. Sehingga tahun 2003, pelaburan dalam sektor industri pembuatan berjumlah \$714.19 juta. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$220.78 juta adalah dari sumber Pelaburan Langsung Asing (FDI) manakala sejumlah \$493.41 juta adalah dari pelaburan tempatan. Sektor ini telah dapat menarik pelabur-pelabur asing dari negara-negara luar seperti Switzerland, United Kingdom, Germany, USA, France dan Oman selain daripada negara-negara Asia dan ASEAN.

JUMLAH PELABURAN (CADANGAN) 1989-2003



JUMLAH PELABURAN (CADANGAN) 1989-2003
MENGIKUT TAPAK INDUSTRI

TAPAK INDUSTRI	PELABURAN TEMPATAN	PELABURAN ASING
Beribi I & II	\$ 107,112,20.52	\$ 31,514,217.49
Lambak Kanan Barat	\$ 86,569,586.75	\$ 37,368,030.57
Lambak Kanan Timur	\$ 19,749,852.34	\$ 18,508,014.96
Salar	\$ 76,351,650.80	\$ 37,908,505.20
Serasa	\$ 136,266,581.50	\$ 73,310,755.50
Serambangun	\$ 18,032,152.20	\$ 3,547,593.80
Pekan Belait	\$ 21,413,050.00	\$ 1,483,750.00
Sungai Bera	\$ 26,449,670.00	\$ 17,146,550.00
Batu Apoi	\$ 450,000.00	\$ 0
Jumlah	\$ 493,411,164.11	\$ 220,782,417.52

PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) (CADANGAN)
1989-2003 MENGIKUT NEGERA ASAL

NEGERA	PELABURAN (B\$ JUTA)
ASEAN	130.18
NEW ZEALAND	0.19
INDIA	0.88
TAIWAN	11.37
HONGKONG	3.32
KOREA	17.12
UNITED KINGDOM	1.42
USA	7.17
FRANCE	0.19
GERMANY	37.50
SWITZERLAND	0.06
OMAN	0.65
JUMLAH	220.70

Dengan Pelaburan Langsung Asing (FDI) kira-kira 45% dari keseluruhan pelaburan di sektor industri pembuatan, ternyata negara ini mampu dan berupaya menarik minat pelabur-pelabur dari negara-negara asing terutama negara-negara ASEAN.

PENEMPATAN PROJEK

Dalam tempoh 1989 - 2003, sebanyak 250 projek telah dibenarkan untuk beroperasi. Tahun-tahun 1989 hingga 1997 merekodkan sebanyak 207 buah projek telah diluluskan. Hitung panjang sebanyak 23 buah projek telah diluluskan setiap tahun dalam tempoh tersebut.

Manakala itu antara tahun 1998 hingga 2003 merekodkan hanya 42 buah projek diluluskan

JENIS-JENIS KEGIATAN INDUSTRI PEMBUATAN
DI TAPAK-TAPAK INDUSTRI

Bil.	KATEGORI	BILANGAN PROJEK
1	Industri teknologi sekala kecil dan sederhana	1
2	Produk elektrik dan elektronik	8
3	Mesin dan kejuruteraan	5
4	Produk tekstil dan pakaian	20
5	Produk kayu	30
6	Produk halal	30
7	Produk kimia	14
8	Perkhidmatan	75
9	Produk souvenir dan kraf tangan	2
10	Produk bahan binaan	48
11	Bahan percetakan	8
12	Lain-lain Pembuatan (Miscellaneous Manufacturing)	9
	JUMLAH	250

atau hitung panjang sebanyak 7 buah projek setahun. Penurunan bilangan projek ini adalah kesan dari akibat kegawatan ekonomi yang melanda serantau termasuk negara ini antara tahun 1998 hingga tahun 2002.

Daripada 250 projek yang telah diluluskan, hanya 154 projek yang masih aktif pada masa ini. Sebanyak 96 projek telah ditarik balik disebabkan gagal memulakan / meneruskan operasi. Dari jumlah 154 projek yang maseh aktif, 118 atau 77% projek beroperasi, manakala bakinya sebanyak 36 atau 23% maseh dalam perancangan untuk memulakan operasi.

KEGIATAN-KEGIATAN INDUSTRI PEMBUATAN

Antara kegiatan-kegiatan industri pembuatan yang diiktiraf sebagai berjaya di kalangan syarikat-syarikat yang ditempatkan di tapak-tapak industri kawalan BINA, KPSU ialah:

1. Fashion Furniture and Construction Company Sdn. Bhd. - Pembuatan Perabot

Fashion Furniture and Construction Company Sdn. Bhd. menjalankan perusahaan di Tapak Industri Salar dengan kepakaran khusus dalam reka bentuk dan pembuatan perabot di samping hiasan dalam. Keunikan syarikat ini ialah kombinasi reka bentuk asli tempatan dengan reka bentuk perabot moden dari Amerika-Eropah yang popular dengan pelanggan-pelanggan tempatan.

Kemampuan menerapkan sistem reka bentuk komputer digital yang terkini dalam pengeluarannya di mana perkembangan, pengeluaran, kawalan kualiti, pengedaran dan perkhidmatan bagi produk-produk keluaran syarikat ini adalah sepenuhnya menggunakan sistem berkcomputer, telah memberi kelebihan syarikat ini berbanding dengan saingan-saingannya.

Syarikat ini adalah merupakan syarikat pengeluar perabot yang utama di negara ini. Di samping itu syarikat ini juga bergiat aktif menyertai program-program promosi eksport anjuran KPSU bagi menembusi pasaran luar negeri seperti Jepun dan lain-lain.



Fashion Furniture and Construction Company Sdn. Bhd.



Kingston Beverage and Creamery Sdn. Bhd.



Polyolefins Pipe (B) Sdn. Bhd.

2. Kingston Beverage and Creamery Sdn. Bhd. - Pemprosesan Makanan dan Minuman

Kingston Beverage and Creamery Sdn. Bhd. mengeluarkan pelbagai jenis ice cream di samping pengilang yang di lesen bagi produk-produk Pepsi di negara ini di kilang syarikat di Tapak Industri Beribi.

Pengeluaran syarikat ini menguasai sebahagian besar pasaran tempatan bagi minuman tin berkabonat dan ice cream. Ianya juga mengeksport produknya ke negeri-negeri jiran.

Syarikat ini adalah salah satu syarikat yang telah berjaya menarik sejumlah besar anak tempatan untuk menjadi tenaga kerja syarikat melalui skim perkhidmatan dan insentif yang menarik. Dari sejumlah 160 pekerja, seramai 64 orang atau pun 40% adalah anak tempatan.

3. Polyolefins Pipe (B) Sdn. Bhd. - Pembuatan Paip UPVC

Polyolefins Pipe (B) Sdn. Bhd. yang beroperasi di Tapak Industri Sungai Bera, Seria mengeluarkan dan mengedarkan paip PVC berprestasi tinggi yang dinamakan sebagai "Poly Pipes".

Jenis-jenis paip yang dihasilkan boleh dikategorikan berasaskan kegunaan, ukuran dan kadar tekanan selaras dengan piawai ISO/R 161 bagi bahan PVC. Paip-paip bagi kegunaan domestik ialah paip air, gas, kumbahan dan air panas. Syarikat juga mengeluarkan jenis-jenis paip UPVC yang lebih tebal dan berat bagi kegunaan industri.

Produk-produk paip UPVC keluaran syarikat ini digunakan secara meluas oleh industri minyak dan gas, projek-projek kerajaan dan rumah-rumah persendirian di negara ini disebabkan kualiti yang tinggi dan harga yang berdaya saing dan berpatutan.

4. Sabli Group of Companies - Pemprosesan Makanan

Sabli Group of Companies adalah syarikat tempatan yang mempelopori kegiatan industri pemprosesan makanan di negara ini. Syarikat ini mengeluarkan produk-produk makanan tin, rempah, roti dan lain-lain. Jenama "Sabli's"

adalah sudah terkenal di kalangan pengguna-pengguna tempatan.

Kilang pengetinan syarikat ini di Kompleks Industri Serambangun, Tutong menghasilkan produk-produk makanan tin yang berkualiti tinggi berasaskan daging, ayam dan ikan. Sementara itu dua kilangnya di Tapak Industri Lambak Kanan, Berakas menghasilkan roti, rempah dan serbuk kopi dan teh. Sabli Group of Companies juga telah mendapat pengiktirafan SIRIM, Malaysia.

5. BHP Lysaght (B) Sdn. Bhd. - Pembuatan Atap Aluminium

BHP Lysaght (B) Sdn. Bhd. menghasilkan bahan bangunan aluminium yang memenuhi piawai antarabangsa yang dikuatkuasakan bagi sektor bahan binaan di negara ini. Bahan-bahan bangunan aluminium keluaran syarikat ini menjadi pilihan para pemilik rumah persendirian, projek-projek kerajaan dan industri disebabkan kualiti yang tinggi dan harga yang kompetitif.

Kilang syarikat yang terletak di Tapak Industri Beribi mengeluarkan bahan-bahan aluminium dan besi berbentuk atap, dinding, peralatan, seksyen struktur, bumbung besi dan bangunan pasang siap. BHP Lysaght juga telah mendapat pengiktirafan ISO 9002.

6. Oriente Sdn. Bhd. - Pembuatan Hiasan Marble

Oriente Sdn. Bhd. mengimport kepingan marble dan granite yang belum dibersihkan dari Eropah dan Asia. Kepingan-kepingan marbel dan granite ini kemudiannya dikilatkan, dipotong dan direka bentuk mengikut keperluan para pelanggan.




Syarikat ini juga menghasilkan jubin, perabot marble dan dekor yang mengumpulkan ukiran papan dengan kaca dan besi di kilangnya di Tapak Industri Serasa. Oleh yang demikian syarikat juga menjalankan kerja-kerja pembuatan kabinet, almari, pintu dan pembinaan dapur dan pengubahsuaian bangunan.

Produk-produk keluaran Oriente Sdn. Bhd. adalah unik di segi kualiti dan kraf tangan seperti yang boleh dilihat dari produk-produknya yang mempunyai reka bentuk yang menarik.

7. Cityneon Displays and Construction Sdn. Bhd. - Pengiklanan

Cityneon Displays and Construction Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang paling aktif bergiat dalam kegiatan pengiklanan dan pengurusan pameran di negara ini.

Melalui kilangnya yang terletak di Tapak Industri Beribi, syarikat ini menawarkan berbagai perkhidmatan termasuk konsultansi kepada perancangan konsep hingga penghasilan produk pengiklanan yang dirancang oleh pelanggan.



Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan termasuk reka bentuk pameran, reka bentuk dalaman, kejuruteraan elektrik dan struktural, papan tanda dan pengiklanan. Syarikat juga bergiat dalam pengiklanan media dan bahan cetak, dan perancangan pengurusan acara-acara.



8. PKS Sdn. Bhd. - Pembuatan Switchboard Elektrik

PKS Sdn. Bhd. ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 1989 untuk bergiat dalam pembuatan switch board elektrik bagi kegunaan persendirian, kerajaan dan industri. Switchboard keluaran syarikat ini adalah diperakui dan mendapat pengiktirafan piawai antarabangsa, *Association of Short-Circuit Testing Authority (ASTA)*. Kilang syarikat di Tapak Industri Beribi juga telah mendapat pengiktirafan piawai ISO 9001.

Produk-produk keluaran syarikat ini adalah termasuk LV main switchboards, sub switchboards, distribution boards, control panels (bagi airconditioning, waterfall and fountain pump, swimming pool pump, sewage treatment pump dan lain-lain), dan LV distribution feeder pillars.

9. L.K.H. (B) Sdn. Bhd. - Pembuatan Kabel Elektrik

Kilang L.K.H. (B) Sdn. Bhd. di Tapak Industri Beribi adalah satu-satunya kilang pembuatan kabel elektrik di negara ini. Ianya menghasilkan pelbagai jenis kabel dan wayar elektrik

bagi kegunaan persendirian, kerajaan dan industri.

Produk-syarikat syarikat ini adalah pembekal utama kabel dan wayar elektrik yang memenuhi piawai antarabangsa termasuk piawai BS dan MS.

10. Twinwood Kiln Dry Treatment Industries Sdn. Bhd. - Pengawetan Produk Papan



Twinwood Kiln Dry Treatment Industries Sdn. Bhd.

Twinwood Kiln Dry Treatment Industries Sdn. Bhd. menghasilkan bahan kayu berkualiti melalui penggunaan teknologi terkini dalam pengeringan dan pengawetan papan. Loji pengeringan dan pengawetan papan milik syarikat ini di Tapak Industri Serambangun, Tutong mampu menghasilkan produk papan berkualiti tinggi sebanyak 55,000 cubic meter setahun.

Bahan-bahan kayu tempatan yang digunakan termasuklah selangan batu, kapor, keruing dan meranti bagi kegunaan pembinaan di samping kayu jenis *general timber* bagi kegunaan biasa. Penghasilan kilang ini telah dapat bersaing dengan bahan-bahan kayu import dan menjadi pilihan pelanggan-pelanggan tempatan di sektor persendirian, kerajaan dan industri. Kesemua penghasilan kilang ini adalah terhad bagi pasaran tempatan sahaja.

PELUANG-PELUANG PEKERJAAN

Kemajuan sektor industri pembuatan tidak hanya dilihat dari segi nilai pelaburan asing ke negara ini. Ianya juga mampu menjana peluang pekerjaan yang banyak dan menarik bagi anak-anak tempatan. Dari keseluruhan projek yang diluluskan, seperti dihasratkan pada awalnya (cadangan), projek-projek berkenaan dianggarkan akan menyediakan sebanyak 19,244 peluang pekerjaan.

Mengikut kajian yang dibuat pada tahun 2000 bagi peringkat pekerja tidak mahir (buruh), kadar bilangan pekerja tempatan ketika itu masih terlalu rendah iaitu pada kadar 7%. Di kalangan pekerja mahir dan separuh mahir pula kadar bilangan pekerja tempatan adalah di tahap yang menggalakkan iaitu kira-kira 60% di peringkat mahir dan 52% di peringkat separuh mahir.



L.K.H. (B) Sdn. Bhd.

RUMUSAN

KPSU telah berjaya mencapai tahap kejayaan yang boleh dibanggakan dalam merubah lanskap ekonomi Negara Brunei Darussalam. Perkembangan yang ketara dalam sektor-sektor pertumbuhan utama termasuk sektor industri pembuatan telah dapat dicapai dengan aliran pelaburan yang mantap dari dalam Negara Brunei Darussalam, ASEAN dan negara-negara lain.

Pembangunan infrastruktur dan kemudahan bagi kegiatan-kegiatan industri adalah paling utama dalam usaha Kementerian menggalakkan pembangunan industri dan sumber-sumber utama. Tapak-tapak industri dan sumber-sumber utama yang lengkap dimajukan tersedia di kawasan-kawasan strategik di seluruh negara bagi menempatkan kegiatan-kegiatan industri pembuatan dan kegiatan-kegiatan lain yang digalakkan.

Cabarannya utama yang dihadapi ialah mempertingkatkan daya saing Negara Brunei Darussalam untuk menarik pelabur-pelabur asing. Penyediaan pakej insentif yang lebih menarik berbanding dengan insentif negara-negara luar di samping infrastruktur yang lengkap dan komprehensif, peraturan-peraturan dan undang-undang yang telus dan mampu melindungi perusahaan dan pelaburan, dan prosedur pemprosesan yang cepat dan berkesan adalah strategi-strategi utama yang perlu diberi perhatian.

Selaras dengan strategi ini juga ialah keperluan bagi mempertingkatkan kesedaran, keupayaan dan daya saing pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga tempatan dari segi keusahawanan, penerokaan pasaran eksport, produktiviti, inovasi dan pemindahan teknologi.

Kunci utama adalah kestabilan dan keyakinan. Didukung oleh langkah-langkah yang menyenangkan para pelabur dan komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mencapai kepelbagaiannya ekonomi, Negara Brunei Darussalam yang muncul adalah ternyata memandang keluar dan menarik kepada pelaburan langsung asing. Kegiatan-kegiatan industri pembuatan yang berunsurkan tambah nilai, teknologi tinggi dan berorientasikan eksport akan menjadi salah satu jentera pertumbuhan kepelbagaiannya ekonomi yang utama untuk membawa negara ini menempuh cabaran-cabaran ekonomi global di abad yang ke-21.

INDUSTRI AKUAKULTUR


Industri akuakultur ialah salah satu industri utama sektor perikanan dan dijangka boleh menyumbangkan sebanyak \$71 juta dalam setahun menjelang tahun 2005.

Penghasilan industri akuakultur telah jauh meningkat daripada \$4.97 juta dalam tahun 2002 kepada \$6.23 juta dalam tahun 2003, akan tetapi industri akuakultur hanya dapat mencapai 8.8% daripada sasaran nilai yang berjumlah \$71.0 juta. Sejumlah 445 tan metrik udang laut bernilai \$3.78 juta, 83 tan metrik ikan laut bernilai \$0.8 juta, 90 tan metrik ikan air tawar bernilai \$0.54 juta, 96,725 ekor ikan akuarium bernilai \$0.44 juta dan sejumlah 41.74 juta benih udang rostris telah dapat dihasilkan pada tahun 2003.

Tapak-Tapak Akuakultur



Nilai Penghasilan Industri Akuakultur 2000-2003



PENGHASILAN IKAN LAUT

Penghasilan ikan laut meningkat daripada 50.38 tan metrik dengan nilai \$0.48 juta pada tahun 2002 kepada 83.0 tan metrik dengan nilai \$0.8 juta pada tahun 2003. Peningkatan hasil ini adalah berikutan dengan pembukaan kawasan-kawasan baru seperti Sungai Bunga yang menempatkan 14 pengusaha ternakan ikan yang baru. Sumber pembekalan benih-benih ikan selongsong yang dibekalkan oleh Syarikat Seiwa Sdn. Bhd. dan juga dari negara jiran telah dapat membekalkan sepenuhnya secara berterusan keperluan industri tersebut.

PENGHASILAN UDANG

Penghasilan udang telah meningkat daripada 296 tan metrik dengan nilai \$3.55 juta pada tahun 2002 kepada 443.83 tan metrik dengan nilai \$3.77 juta pada tahun 2003. Peningkatan ini adalah berikutan dengan pencapaian penghasilan anak-anak udang yang dapat memenuhi permintaan industri ini di samping adanya komitmen dan skim kemudahan kewangan serta peringkatan pengurusan kolam oleh pengusaha sendiri.

PENGHASILAN IKAN AIR TAWAR

Penghasilan ikan air tawar meningkat daripada 52 tan metrik pada tahun 2002 dengan nilai \$0.31 juta kepada 90 tan metrik dengan nilai \$0.54 juta pada tahun 2003. Peningkatan ini adalah kerana pertambahan kawasan yang diterokai bagi usaha ini iaitu daripada 12.88 hektar kepada 15.18 hektar.

PENGHASILAN IKAN HIASAN

Jabatan Perikanan juga telah menggalakkan pengusaha-pengusaha kecil-kecilan dalam penghasilan ikan jenis 'livebearers'. Walau bagaimanapun penghasilan industri ikan hiasan pada tahun 2002 sebanyak 139,459 ekor dengan nilai \$0.63 juta menurun kepada hanya sebanyak 96,725 ekor dengan nilai \$0.44 juta pada tahun 2003.

Industri ikan hiasan mempunyai potensi untuk dimajukan. Jabatan Perikanan meneruskan pelaksanaan kerja-kerja verifikasi teknologi penghasilan Ikan Pelaga Brunei (Brunei Beauty) secara komersil. Ikan ini berpotensi untuk dimajukan sebagai ikan hiasan dan mempunyai potensi eksport yang baik. Spesies-spesies lain termasuklah ikan koi, ikan emas, ikan discus, ikan angel dan ikan-ikan 'livebearers'.



PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Masalah-masalah utama yang menyebabkan penghasilan yang rendah dalam sektor akuakultur ini ialah kelambatan pembukaan kawasan-kawasan akuakultur yang baru. Pembukaan kawasan-kawasan yang baru memakan masa yang lama kerana melibatkan penyediaan infrastruktur asas seperti pembinaan jalan laluan, bekalan elektrik dan sistem bekalan air laut dan air bersih yang tidak dapat dimulakan sebelum kedudukan tapak berkenaan digazetkan kepada Jabatan Perikanan.

Sehubungan dengan itu, penyediaan bagi infrastruktur asas dipertingkatkan lagi di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) ke-8 seperti penyediaan bekalan elektrik di kawasan ternakan udang Telisai - Sg Paku Fasa I dan kerja-kerja kajian tanah (*soil investigation*) dan tawaran bagi kemudahan jalan laluan dan bekalan elektrik ke kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti seperti 40 hektar di Telisai - Sg. Paku Fasa II, 14 hektar di Kg. Danau dan 286 hektar di Telisai Fasa II. Sementara itu, projek bagi sistem bekalan air laut di Telisai Fasa I telah juga bermula pada November 2002. Projek-projek lain ialah pembinaan Pusat Perkembangan Akuakultur. Pusat ini dibina bagi meneruskan kerja-kerja verifikasi teknologi ternakan ikan dan udang di negara ini.

POTENSI KEMAJUAN MASA DEPAN

Pada akhir RKN ke-8 ini nanti, dianggarkan industri akuakultur akan dapat mencapai tahap yang maksimal sebanyak \$71 juta setahun. Anggaran penghasilan pencapaian ini berdasarkan pembukaan dan beroperasinya kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti bagi ternakan udang dan juga ikan seperti Telisai - Sg. Paku Fasa I, Telisai - Sg. Paku Fasa II, Kg. Danau dan Telisai Fasa II dan dengan beroperasinya penghasilan menggunakan teknologi-teknologi baru dalam industri ini seperti sangkar luar pantai.

KURSUS SISTEM EJAAN RUMI BAHASA MELAYU

Bagi tujuan mempertingkatkan penggunaan peristilahan dan sistem ejaan baru rumi Bahasa Melayu yang betul dan tepat dan mempertingkatkan lagi kualiti bahan-bahan penerbitan KPSU dan jabatan-jabatan di bawahnya, satu Kursus Penggunaan Peristilahan dan Sistem Ejaan Rumi Bahasa Melayu telah diadakan selama 2 hari bermula pada 5 - 6 Oktober 2004 bertempat di Bangunan KPSU dan dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan dan Kewangan.

Di samping mempelajari kaedah penggunaan peristilahan dan sistem ejaan rumi Bahasa Melayu, para peserta juga berpeluang mendalami pengetahuan mengenai penggunaan bahasa dan tatacara yang tepat dan betul dalam penyediaan surat, minit dan memorandum serta perbezaan-perbezaan sistem ejaan lama dan sistem ejaan baru. Kursus telah disampaikan oleh seorang tenaga pengajar yang berpengalaman dari Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu Awang Moksin bin Haji Durahim.

TAKLIMAT MENGENAI GARISPANDU PENGANGKUTAN KAYU BALAK BAGI SYARIKAT-SYARIKAT KILANG PAPAN

Satu taklimat mengenai garis pandu pengangkutan kayu balak di jalan raya awam telah diadakan pada 1 September 2004 bertempat di Dewan Setia Pahlawan, KPSU. Taklimat berkenaan telah dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan dengan sokongan dari agensi-agensi kerajaan yang berkaitan iaitu Jabatan Pengangkutan Darat, Polis Diraja Brunei dan Jabatan Kerja Raya.

Objektif taklimat adalah untuk memaklumkan kepada semua syarikat-syarikat kilang papan mengenai peraturan dan garis pandu pengangkutan kayu balak terutama sekali mengenai had muatan, keselamatan jalan raya dan seterusnya tindakan-tindakan yang boleh diambil kepada syarikat-syarikat kilang papan yang melanggar peraturan-peraturan berkenaan. Pegawai-pegawai dari agensi-agensi yang dijemput telah memberikan taklimat mengenai akta dan peraturan yang ada dalam bidang kuasa jabatan masing-masing serta tindakan-tindakan yang boleh dikenakan berkaitan daripada pelanggaran akta dan peraturan berkenaan.

Taklimat tersebut telah dihadiri oleh kira-kira 100 orang peserta yang terdiri daripada pengurus-pengurus kilang papan di seluruh negara, ketua-ketua kampong dalam kawasan yang terlibat, pemandu-pemandu lori balak dan juga kakitangan Jabatan Perhutanan yang terlibat secara langsung dalam mengawal dan memantau operasi pembalakan. Taklimat berakhir dengan sesi soal jawab antara para peserta dengan wakil-wakil dari jabatan-jabatan berkaitan.



Pegawai-pegawai kanan dari agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam menyampaikan taklimat



Yang Mulia Pengarah Pengurusan dan Kewangan ketika menyampaikan Sijil Penyertaan kepada salah seorang peserta kursus

Kursus telah diakhiri dengan majlis penyampaian sijil kepada para peserta yang telah disempurnakan oleh Yang Mulia Awang Haji Rosli bin Haji Mustafa, Pengarah Pengurusan dan Kewangan KPSU. Seramai 25 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KPSU dan jabatan-jabatan di bawahnya telah menyertai kursus berkenaan.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Seperti yang juga lazimnya diadakan setiap tahun, KPSU telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan 1425 pada hari Selasa, 9 November 2004 di Dewan Setia Pahlawan, KPSU.

Majlis tersebut telah diserikan dengan kehadiran selaku Tetamu Kehormat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohamed Taib, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Turut hadir ialah Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman, Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KPSU dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Di akhir majlis, doa Khatam Al-Quran telah dibacakan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Metassin bin Pengiran Haji Kula, pegawai dari Pusat Dakwah Islamiah. Seramai kira-kira 250 pegawai dan kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya telah menghadiri majlis tersebut.



Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama hadir selaku Tetamu Kehormat majlis

AKTIVITI-AKTIVITI PROMOSI PELANCONGAN

PERTEMUAN DAN PERSEMBAHAN BUDAYA ETNIK PILIHAN SEBORNEO

Acara ini telah diadakan selama 2 hari iaitu pada 24 - 25 September 2004 bertempat di Padang Dewan Kemasyarakatan Bangar, Temburong. Ianya adalah anjuran bersama Badan Pelancongan dan Kebudayaan Daerah Temburong dan Bahagian Kemajuan Pelancongan, KPSU.

Seramai 250 peserta mewakili puak-puak Belait, Tutong, Dusun, Kedayan, Melayu Brunei, Murut dan Iban di samping puak-puak lain yang terdapat di Borneo seperti puak Kedayan Limbang, Kedayan Persekutuan Labuan, Melayu Brunei Lawas, Bisaya Limbang, Lun Dayeh Sipitang Sabah dan salah satu puak dari Sengkawang, Kalimantan telah sama-sama menyertai dan memeriahkan pertemuan tersebut. Tetamu Kehormat di Majlis Pembukaan Rasmi ialah Yang Mulia Pengiran Abd. Haris bin Pengiran Haji Shahbuddin, Pemangku Pegawai Daerah Temburong.

PACIFIC ASIA TRAVEL ASSOCIATION TRAVEL MART, BANGKOK, THAILAND

Travel Mart ini merupakan *travel trade show* yang membolehkan para pengusaha pelancongan Asia Pasifik memperkenalkan dan menjual produk-produk serta pakej-pakej pelancongan mereka kepada para pengusaha pelancongan dari rantau Asia Pasifik, Eropah dan Amerika.

Pameran ini telah berjaya menarik 342 peserta yang terdiri daripada wakil-wakil pertubuhan pelancongan kebangsaan, syarikat-syarikat ejen pelancongan dan 345 wakil-wakil syarikat pelanggan pakej-pakej dan produk-produk yang dipromosikan yang terdiri dari syarikat-syarikat pengusaha pelancongan mewakili 45 buah negara dari seluruh dunia.

Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh dua pegawai dari Bahagian Kemajuan Pelancongan, KPSU dan disertai oleh beberapa wakil sektor swasta iaitu Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Mas Sugara Travel Services Sdn. Bhd. dan Sunshine Borneo Tours and Travel Sdn. Bhd.

TAIPEI INTERNATIONAL TRAVEL FAIR (TITF), TAIWAN

Taipei International Travel Fair telah diadakan pada 18-21 November 2004 di Taipei World Trade Centre, Taiwan. Ini adalah merupakan penyertaan Negara Brunei Darussalam kali pertama dan telah diwakili oleh 2 pegawai kanan dari Bahagian Kemajuan Pelancongan, KPSU dan beberapa perwakilan sektor swasta terdiri daripada Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, The Empire Hotel and Country Club, Brunei Hotel, Sunshine Borneo Tours and Travel Sdn. Bhd., Pan Bright Travel Services dan Century Travel Centre Sdn. Bhd.

CABARAN BUKIT PATOI 2004

Acara Cabaran Bukit Patoi ini adalah merupakan acara yang menjadi *trademark* kepada Daerah Temburong yang mana acara ini telah pun dijalankan 3 tahun berturut-turut sejak tahun 2001. Cabaran Bukit Patoi 2004 telah diadakan pada 26 September 2004 di Taman Rekreasi Bukit Patoi, Labu, Temburong.

Seramai 475 peserta telah menyertai acara tahun ini termasuk peserta-peserta dari Sabah. Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Yang Mulia Pengiran Abd. Haris bin Pengiran Haji Shahbuddin telah menjadi Tetamu Kehormat dan seterusnya juga menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Kejayaan acara tahunan ini adalah hasil kerjasama yang erat antara Badan Pelancongan dan Kebudayaan Daerah Temburong dan Bahagian Kemajuan Pelancongan, KPSU.

INCENTIVE TRAVEL AND CONVENTION MEETING, ASIA (IT & CMA)

Incentive Travel and Convention Meeting, Asia telah diadakan pada 12-14 Oktober 2004 di Bangkok, Thailand. Pameran ini adalah merupakan pameran pelancongan yang menumpukan kepada destinasi MICE (Meetings, Incentives, Convention and Exhibitions) kepada para pengusaha pelancongan terutama sekali *meeting and event planners, event managements, destination management companies, travel agents handling incentives* dan syarikat-syarikat pengembalaan korporat lainnya.

Penyertaan kali pertama Negara Brunei Darussalam ini telah diwakili oleh dua pegawai dari Bahagian Kemajuan Pelancongan, KPSU dengan disertai oleh beberapa orang pegawai dari Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, The Empire Hotel and Country Club, Sunshine Borneo Tours and Travel Sdn. Bhd. dan Mas Sugara Travel Services Sdn. Bhd.

JATA WORLD TOURISM CONGRESS AND TRAVEL FAIR, TOKYO, JEPUN

Pameran pelancongan JATA adalah merupakan pameran *trade* dan *consumer* yang terbesar di rantau Asia. Penyertaan tahun ini adalah penyertaan Negara Brunei Darussalam kali ke-3. Pameran ini telah diadakan di Tokyo Big Sight, Jepun pada 23-26 September 2004.

Perwakilan Negara Brunei Darussalam telah diketuai oleh Yang Mulia Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohamed, Pengarah Kemajuan Pelancongan KPSU dengan disertai oleh dua pegawai dari Bahagian Kemajuan Pelancongan serta beberapa orang pegawai dari Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Freme Travel Services Sdn. Bhd. dan Travel Trade Agencies Sdn. Bhd.



Pengarah Kemajuan Pelancongan bergambar ramai dengan perwakilan Negara Brunei Darussalam

WORLD TRAVEL MARKET (WTM), LONDON

World Travel Market (WTM) adalah merupakan pameran pelancongan yang terbesar di benua Eropah yang dianjurkan oleh Reeds Travel Exhibition Company Ltd. Pameran tersebut telah diadakan di Excel, London pada 8-11 November 2004. WTM adalah tempat pertemuan para pengusaha dan profesional pelancongan seluruh dunia di mana strategi pemasaran antarabangsa dibincangkan di samping memperkenalkan produk-produk global.

Ini adalah penyertaan Negara Brunei Darussalam kali ke-7 dan telah diwakili dan diketuai oleh Yang Mulia Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohamed, Pengarah Kemajuan Pelancongan beserta 3 pegawai kanan dari Bahagian Kemajuan Pelancongan, KPSU dan beberapa orang pegawai dari Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, The Empire Hotel and Country Club, Freme Travel Services Sdn. Bhd., Sunshine Borneo Tours and Travel Sdn. Bhd.



Pameran Negara Brunei Darussalam

CHINA INTERNATIONAL TRAVEL MART, SHANGHAI

Pameran tahunan ini telah diadakan pada 25-28 November 2004 bertempat di Shanghai New International Expo Centre, Shanghai. Negara Brunei Darussalam telah diwakili dan diketuai oleh Yang Mulia Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohamed, Pengarah Kemajuan Pelancongan dan disertai oleh seorang pegawai kanan dari Bahagian Kemajuan Pelancongan, KPSU dan beberapa wakil dari sektor swasta yang terdiri daripada Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, The Empire Hotel and Country Club, Riverview Hotel, Freme Travel Services Sdn. Bhd., Mas Sugara Travel Services, Sunshine Borneo Tours and Travel Sdn. Bhd., Anthony Tours and Travel Sdn. Bhd., Pan Bright Travel Services dan Century Travel Centre Sdn. Bhd.

Penyertaan KPSU di pameran ini adalah untuk memberikan pendedahan dan promosi berterusan kepada dunia luar tentang Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan yang unik, sihat dan selamat untuk dikunjungi di samping mengukuhkan

kedudukan negara ini sebagai destinasi pelancongan selaras dengan pengiktirafan Kerajaan Republik Rakyat China kepada Negara Brunei Darussalam sebagai *approved tourist destination* bagi pelancong-pelancong China.



Gambar ramai Pengarah Kemajuan Pelancongan bersama peserta pameran


Kempen 30 Hari Tanpa Rokok

Kira-kira seramai 200 pegawai dan kakitangan KPSU dan jabatan-jabatan di bawahnya telah menghadiri Jerayawara Kempen 30 Hari Tanpa Rokok yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan sempena Hari Tembakau Sedunia 2004 pada 18 Oktober 2004 bertempat di Dewan Setia Pahlawan KPSU. KPSU adalah kementerian ke enam dalam senarai kempen jerayawara yang diadakan di kementerian-kementerian, pejabat-pejabat daerah, sekolah-sekolah dan sektor swasta yang melibatkan sesi ceramah dan pameran.

Kempen berkenaan antara lain bertujuan mempertingkatkan dan memperkuuhkan tindakan bersepduu agensi-agensi kerajaan dalam usaha membanteras penggunaan tembakau, rokok dan merokok selain mempertingkatkan lagi kesedaran di kalangan orang ramai mengenai bahaya rokok dan merokok, menghindarkan diri dari mula merokok, kesan rokok dan merokok terhadap perokok pasif.



Pegawai dan kakitangan KPSU dan jabatan-jabatan di bawahnya sedang menyaksikan pameran



Para peserta telah mendengar ceramah yang disampaikan oleh dua penceramah iaitu Yang Mulia Dr Aidawati binti Haji Abdul Latip dari Kementerian Kesihatan dan Yang Mulia Awang Haji Azman bin Haji Musa dari Kementerian Hal Ehwal Ugama. Tema bagi Hari Tembakau Sedunia 2004 ialah 'Tanpa Rokok, Badan Sihat, Jimat Belanja'.

LAWATAN PENUNTUT-PENUNTUT PENEMPATAN KE TAPAK-TAPAK PERINDUSTRIAN

Bagi tujuan memberikan pendedahan serta mendapatkan pengalaman, seramai 7 orang penuntut dari Institut Teknologi Brunei dan Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal yang menjalani penempatan kerja di KPSU telah diberi peluang menyertai program lawatan ke beberapa buah tapak-tapak perindustrian bagi meninjau lebih dekat kegiatan-kegiatan perkilangan yang dijalankan. Program yang dikendalikan oleh Seksyen Perhubungan Awam, Bahagian Pengurusan dan Kewangan KPSU itu telah diadakan selama 2 hari bermula pada 22-23 September 2004.

Lawatan ini adalah merupakan pengalaman pertama bagi penuntut-penuntut tersebut ke tapak-tapak perindustrian di negara ini dan merasa kagum dengan kegiatan-kegiatan dan hasil-hasil yang dikeluarkan sejak sekian lama. Hasil dari peninjauan tersebut ternyata perusahaan-perusahaan tempatan bukan sahaja berkemampuan menjalankan kegiatan-kegiatan perkilangan berkenaan tetapi juga berjaya menghasilkan produk-produk yang mempunyai



Penuntut-penuntut penempatan menyaksikan pembuatan marble di Syarikat Oriente Sdn. Bhd.



Lawatan ke kilang pengetinan Sabli Foods Sdn. Bhd.

kualiti yang sebanding atau pun lebih baik daripada produk-produk import dengan harga yang kompetitif.

Kilan-kilang dan perusahaan-perusahaan yang menarik perhatian penuntut-penuntut berkenaan ialah Fashion Furniture and Construction Co. Sdn. Bhd. (pembuatan perabot),

Ladang Tunas Harapan Sdn. Bhd. (perusahaan ternakan ayam pedaging berteknologi tinggi menggunakan closed system), Industri Makanan Sabli (kilang pengetinan), Oriente Sdn. Bhd. (pembuatan marble) dan Mahkota Crystal (pembuatan barang hiasan kristal).